

Kes cacar monyet pertama di India, Arab Saudi

Mumbai/Bengaluru: India mengesahkan kes cacar monyet yang pertama, kelmarin, membabitkan seorang lelaki berusia 35 tahun dengan sejarah perjalanan ke Asia Barat.

REUTERS melaporkan lelaki terbabit yang tiba di Kerala, barat India, dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 12 Julai lalu, kini menjalani pengasingan di hospital.

“Beliau berada dalam keadaan stabil dan semua petunjuk utama padanya juga normal.

“Kami sudah mengarahkan semua daerah untuk terus berwaspada susulan perkembangan terbaru ini,” kata Menteri Kesihatan Kerala, Veena George, kepada pemberita.

Veena berkata, ibu bapa pesakit itu dan sejumlah kontak utama turut menjalani pengasingan, manakala 11 penumpang yang mempunyai kontak dengannya ketika berada dalam penerbangan sama serta beberapa individu lain diminta untuk peka dengan sebarang gejala.

REUTERS melaporkan lelaki terbabit yang tiba di Kerala, barat India, dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 12 Julai lalu, kini menjalani pengasingan di hospital.

Kerajaan Persekutuan dalam satu kenyataan pula memaklumkan, sebuah pasukan peringkat tinggi dihantar ke Kerala untuk berganding usaha dengan pihak berkuasa tempatan serta mengesyorkan langkah kesihatan awam yang sewajarnya.

Tingkat ujian saringan

Selain itu, negeri-negeri turut diarah meningkatkan ujian saringan dan pengawasan terhadap sebarang jangkitan yang berkemungki-

nan kes cacar monyet.

“Dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19 yang masih berterusan, adalah sangat penting untuk kita kekal berjaga-jaga dan peka terhadap ancaman kesihatan awam yang lain, sekali gus membuat persediaan proaktif untuk

“Sangat penting untuk kita kekal berjaga-jaga dan peka terhadap ancaman kesihatan awam yang lain, sekali gus membuat persediaan proaktif untuk menanganinya”

Rajesh Bhushan,
Setiausaha Kesihatan Persekutuan India

menanganinya,” kata Setiausaha Kesihatan Persekutuan, Rajesh Bhushan, dalam surat kepada negeri di India.

Setakat ini, kira-kira 60 negara yang bukan endemik cacar monyet melaporkan penularan wabak itu membabitkan sekitar



10,500 kes disahkan.

Sementara itu, Saudi Press Agency (SPA) melaporkan di Riyadh, Arab Saudi mengesahkan kes cacar monyet pertama membabitkan seorang individu yang pulang dari luar negara.

Kementerian Kesihatan ketika mengumumkan perkara itu, kelmarin, memaklumkan kes terbabit sedang diberi penjagaan perubatan yang teliti mengikut prosedur kesihatan diluluskan, selain langkah sudah diambil untuk mengenal pasti kontak individu berkenaan.

Kementerian itu turut mengesyorkan usaha diteruskan untuk memantau perkembangan terbabit, sekali gus bersiap siaga menangani jangkitan berkenaan.

AGENSI